

# SIARAN MEDIA

## Untuk Siaran Segera



### BANK ISLAM BANTU PELAJAR LENGKAPKAN KEPERLUAN SEKOLAH

*50 pelajar terpilih dari lima sekolah di Kuching, Sarawak terima manfaat*

**KUCHING, SARAWAK, Jumaat [13 Januari 2023]:** Sempena pembukaan sesi persekolahan tahun 2023, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini menganjurkan program ‘Jom ke Sekolah’ dengan menaja set kelengkapan sekolah kepada 50 pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan di lima buah sekolah di Kuching.

Sekolah-sekolah terlibat adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Pajar Sejingkat, SK Tan Sri Datuk Dr Haji Sulaiman Daud, SK Astana, SK Rakyat Tupong dan SK Semerah Padi.

Setiap pelajar menerima sumbangan kelengkapan persekolahan bernilai RM300 yang berupa dua (2) set pakaian seragam; dua (2) set seluar sukan; beg dan alat tulis serta dua (2) pasang kasut serta stokin. Selain itu, Bank Islam turut menaja pelajar-pelajar terbabit untuk meneroka pengalaman pembelajaran yang menarik di Muzium Budaya Borneo, Kuching.

Penyerahan sumbangan ‘Jom ke Sekolah’ ini disempurnakan oleh Pengarah Wilayah Malaysia Timur Bank Islam, Zulkipli Mohamad Zen. Turut hadir, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuching, Hajah Shirini Mastura Mohamed Zulkifli serta guru besar dan wakil pendidik dari sekolah terlibat.

Menurut Zulkipli, “Inisiatif ‘Jom ke Sekolah’ merupakan satu wadah bagi Bank Islam untuk berkongsi rezeki dan kemakmuran yang diraih bersama komuniti di lokasi-lokasi operasinya.

“Sebagai sebuah institusi kewangan patuh Syariah, kami tidak lupa akan tanggungjawab untuk menyediakan sokongan yang diperlukan, khususnya dengan

masyarakat yang amat terkesan dengan keadaan ekonomi semasa yang mencabar serta kos sara hidup yang kian meningkat.

"Bagi meringankan perbelanjaan bagi persediaan persekolahan anak-anak mereka untuk sesi baharu tidak lama lagi, Bank Islam memperuntukkan RM38,000 untuk melaksanakan inisiatif 'Jom ke Sekolah' di Kuching, Sarawak," jelasnya.

Bank Islam memperuntukkan RM190,000 daripada dana zakat dan dana tanggungjawab korporat bagi menjayakan program 'Jom ke Sekolah' pada tahun ini. Ia akan memanfaatkan 500 pelajar di Sarawak, Sabah, Selangor, Terengganu, Johor dan Perak.

"Kami berharap agar sumbangan ini akan memberi kelegaan kepada keluarga para pelajar ini kerana kelengkapan sekolah anak-anak mereka telah diuruskan. Semoga usaha ini juga dapat menyuntik semangat kepada para pelajar terlibat untuk ke sekolah dan menuntut ilmu demi masa hadapan yang cerah," tambah Zulkigli.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke:** [MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my](mailto:MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my)